

Urus kekayaan sumber air

SEBAGAI sebuah negara yang menerima hujan banyak dan kaya dengan sumber air, semua pihak khususnya mereka yang terlibat secara langsung dengan pengurusan sumber air wajar mempunyai perancangan mengurus yang sistematik untuk manfaat bersama.

Pengurusan sumber air yang terancang boleh mengawal banjir. Ia boleh dilakukan dengan dua kaedah, secara berstruktur dan bukan berstruktur.

Pakar hidrologi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof Ir. Dr. Amir Hashim Mohd. Kassim berkata, pengurusan yang lebih baik perlu dilakukan meskipun berdepan sedikit cabaran memandangkan pengurusan sumber air di beberapa kawasan tadahan melibatkan kepentingan negeri.

“Sebagai contoh, kawasan tadahan air seperti sungai yang mengalir merentasi lebih daripada sebuah negeri akan menimbulkan masalah siapa yang mengurus kawasan tersebut,” katanya.

Bagaimanapun tidak ada sebab untuk pihak yang terlibat tidak mengambil jalan penyelesaian bagi mengelakkan bencana banjir luar biasa yang dialami baru-baru ini berulang.

Isu utama yang membelenggu pihak berkuasa pengurusan ialah sejauh mana kita sedar limpahan air ini sebenarnya boleh diurus dan mengelakkan masalah menjadi lebih besar.

Antara isu utama yang wajar diberi perhatian ialah bagaimana mengurus air larian permukaan yang boleh menyebabkan banjir kilat dan banjir besar.

Air larian ini meresap ke dalam tanah sekiranya kawasan tersebut telap air.

Bagaimanapun, timbul masalah ekoran sikap manusia yang mengabaikan ekosistem dan kejam merosakkan hutan serta melakukan tarahan terhadap bukit dan tanah tinggi.

Air larian permukaan yang datang daripada kawasan tadahan atau tanah tinggi akan bergerak laju ke kawasan yang lebih rendah.

Jika kawasan laluan air ini tidak mempunyai halangan seperti pokok dan rumput, ia menjadi semakin laju dan boleh memberi impak besar kepada apa sahaja objek seperti rumah dan binaan-binaan lain begitu juga berlaku hakisan tanah yang dahsyat.

Sebab itu penting sekiranya air larian permukaan ini dapat bergerak tidak terlalu laju dengan halangan semula jadi seperti pokok atau rumput. Dalam masa sama, tidak ada yang menghalang air berkenaan meresap ke dalam tanah.

Dr. Amir Hashim berkata, sekiranya air bawah tanah juga terlalu tepu, maka air larian permukaan ini sukar meresap atau tertolak kembali ke permukaan dan menyebabkan kuantiti air permukaan meningkat.

“Kita tahu antara punca utama banjir besar yang berlaku baru-baru ini kerana peningkatan air hujan lebat yang turun luar biasa.

“Air larian permukaan yang terhasil kuantitinya agak banyak tambahan pula pergerakannya berlaku pada kelajuannya yang amat tinggi.

“Oleh itu, daya yang terjana dari aliran air ini mengakibatkan rumah dihanyutkan, tanah terhakis dan banyak harta benda musnah,” katanya.

Ini adalah disebabkan kita tidak menjaga alam sekitar ekosistem kita dengan baik.

Di bandar pula, perkara serupa akan berlaku sekiranya langkah-langkah awal tidak dibuat.

Mengenai kaedah mengurus air larian permukaan, Dr. Amir Hashim juga bersetuju supaya pemaju projek pembangunan di kawasan bandar perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan JPS menerusi MSMA.

Sebagai contoh, pembinaan kolam tadahan untuk menampung pertambahan air larian permukaan ekoran daripada penurapan kawasan bandar dengan konkrit serta binaan jalan raya.

Kolam tersebut berfungsi menyimpan air larian sebelum disalurkan terus ke sungai.

Ada banyak garis panduan yang ditetapkan dalam MSMA dalam mengawal kejadian banjir dan perkara tersebut telah diberi penekanan sejak 2000 lagi dan ditambah baik dalam MSMA pada 2012.

Persoalannya sekarang ialah sejauh manakah kita mematuhi peraturan tersebut khususnya mengawal air larian permukaan terutama di bandar yang boleh menjadi bom jangka kejadian banjir besar?

Apabila semua tanah yang boleh meresap air larian permukaan telah ditutup dengan konkrit simen, potensi kawasan bandar dilanda banjir besar adalah tinggi.



DR. AMIR HASHIM MOHD KASSIM

